

BERITA



**TEKNOLOGI BAGI TANGANI KRISIS:** Encik S Iswaran berkata Singapura perlu memupuk lebih ramai wira teknologi seperti yang telah diiktiraf di Anugerah Pemimpin IT yang diadakan di hotel InterContinental Singapore semalam. – Foto BH oleh NG SOR LUAN

# ‘Wira teknologi’ dalam usaha SG perangi Covid-19 diiktiraf

DENGAN jumlah kes baru Covid-19 melonjak ke angka ratusan secara harian pada Mei tahun lalu, satu pasukan dari Universiti Nasional Singapura (NUS) bergelut dengan masa untuk membangunkan sebuah sistem bagi membantu penjejak kontak pemerintah mengenal pasti kontak rapat pesakit.

Jumlah kes yang tinggi itu boleh ‘menenggelami’ penjejak kontak, yang diperlukan untuk memastikan mereka yang terdedah boleh dikenal pasti dengan cepat, diuji dan diasingkan bagi menegahadkan penularan lanjut koronavirus.

Walaupun tidak berpengalaman dalam mewujudkan sistem sebegini, pasukan enam pelajar NUS itu dapat membangunkan sebuah aplikasi Web dalam sekitar tiga minggu, dengan bantuan dari Angkatan Bersenjata Singapura (SAF).

Aplikasi itu mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk memberikan penjejak kontak gambaran keseluruhan pergerakan pesakit dan orang yang berada dalam jarak dekat dengannya.

Usaha pasukan NUS itu diiktiraf semalam di Anugerah Pemimpin IT 2021, yang berte-

makan *Wira Teknologi Daripada Krisis* atau *Tech Heroes From Crisis* untuk memberi penghormatan kepada mereka yang telah meninggalkan kesan positif ke atas masyarakat menerusi teknologi sewaktu krisis Covid-19, lapor akhbar *The Straits Times*.

Anugerah itu dianjurkan Persatuan Komputer Singapura.

Sewaktu majlis penyampaian anugerah di Hotel InterContinental Singapore di Bugis itu, Menteri Perhubungan dan Penerangan, Encik S Iswaran berkata bahawa Singapura perlu memupuk lebih ramai ‘wira teknologi’ seperti yang telah diiktiraf di majlis tersebut.

Beliau menambah bahawa pemerintah sedang melabur banyak dalam melengkapi orang ramai dengan kemahiran digital, dan mewujudkan pekerjaan baik bagi warga Singapura.

Encik Iswaran menyatakan bahawa program Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited yang dilancarkan tahun lalu telah menempatkan lebih daripada 12,400 pemohon kerja ke peluang kemahiran dan pekerjaan teknologi infokom sehingga akhir Januari tahun ini.

Masih terdapat lebih daripada 18,700 pekerjaan, latihan oleh syarikat, peluang bekerja sambil belajar serta latihan yang ada.

Pemenang lain yang diiktiraf di majlis penyampaian anugerah itu termasuk satu pasukan dari Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu (IHIS).

Pasukan itu membangunkan sistem Perintah, Kawal dan Perhubungan (C3) di Hospital Tan Tock Seng yang membantu Pusat Nasional Bagi Penyakit Berjangkit (NCID) menyediakan ruang katil dengan cepat bagi pesakit dan mengurus aliran orang ramai dengan selamat sedang jumlah kes Covid-19 meningkat.

Sistem C3 itu dilancarkan secara rasmi pada Disember 2019, dan terdapat rancangan dilakarkan untuk membangunkan, sepanjang tempoh 12 bulan, lebih ciri-ciri bagi pengurusan pandemik.

“Tetapi, tentunya, apabila ia agak jelas (pandemik Covid-19) sedang menuju ke arah kita pada Januari tahun lalu, kami menyelesaikan ini dalam sekitar empat bulan,” kata ketua eksekutif IHIS, Encik Bruce Liang.